



**NOTIS MAKLUMAN JAWATAN KOSONG  
PERBADANAN KEMAJUAN PERUSAHAAN KAYU SARAWAK**

RUJ : STIDC.7.HR(PER).06.1  
TARIKH : **8 Oktober 2024**

Permohonan adalah dipelawa kepada Warganegara Malaysia (anak kelahiran Negeri Sarawak) yang berkelayakan untuk mengisi jawatan kosong seperti berikut di **Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA)**.

1. **Pegawai Tadbir, Gred N41 (Tetap Berpencen) – 1 kekosongan**
2. **Pegawai Ehwai Ekonomi, Gred E41 (Tetap Berpencen) – 1 kekosongan**
3. **Pembantu Akauntan, Gred W19 (Tetap Berpencen) – 1 kekosongan**

Semua permohonan hendaklah dikemukakan secara atas talian (*online*) melalui sistem e-recruitment, (<https://erecruitment.sarawak.gov.my>).

Calon – calon **WAJIB** memuatnaik salinan dokumen – dokumen seperti berikut di bahagian 'Muat Naik Dokumen' dalam sistem e-recruitment: -

1. Kad Pengenalan (depan & belakang);
2. Sijil UPSR, PMR dan SPM;
3. Sijil Diploma & Transkrip Akademik / STPM / Matrikulasi (mana berkaitan); dan
4. Sijil Ijazah Sarjana Muda & Transkrip Akademik (jika berkaitan);

Sila pastikan semua dokumen yang dimuatnaik adalah jelas.

Hanya permohonan yang lengkap serta mengikut peraturan yang telah ditetapkan akan disenarai pendek dan pemohon yang dipilih untuk sesi temuduga sahaja akan dihubungi. Sekiranya pemohon-pemohon **tidak dihubungi dalam tempoh tiga (3) bulan** dari tarikh iklan ini ditutup, permohonan ini dianggap **tidak berjaya**.

Anggota dalam Skim bertaraf **Jawatan Berasaskan Caruman (JBC) di Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak** yang mempunyai kelayakan adalah digalakkan untuk memohon jawatan-jawatan **bertaraf Tetap dan Berpencen yang kosong** berdasarkan kelayakan akademik masing-masing.

Tarikh tutup permohonan: **21 Oktober 2024**. Permohonan yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.

1. (a) Jawatan : Pegawai Tadbir/ Gred N41  
Kekosongan : Satu (1) jawatan  
Taraf Jawatan : Tetap dan Berpencen  
Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional  
Klasifikasi Perkhidmatan : Pentadbiran dan Sokongan  
Jadual Gaji : **GAJI MINIMUM – GAJI MAKSIMUM**  
**RM2,080.00 - RM9,546.00**

(b) Syarat Lantikan : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -

i. Ijazah Sarjana Muda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,080.00);

ii. Ijazah sarjana muda kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau

(Gaji permulaan ialah pada Gred N41: RM2,283.43);  
dan

iii. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**( c ) Skop Tugas:**

Bertanggungjawab dalam penulisan dan penerbitan Buku Korporat PUSAKA, Pusat Sumber dan Museum Perakayuan PUSAKA.

2. (a) Jawatan : Pegawai Ehwal Ekonomi/Gred E41  
 Kekosongan : Satu (1) jawatan  
 Taraf Jawatan : Tetap dan Berpencen  
 Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional  
 Klasifikasi Perkhidmatan : Ekonomi  
 Jadual Gaji : **GAJI MINIMUM – GAJI MAKSIMUM**  
**RM2,083.00 - RM9,549.00**
- (b) Syarat Lantikan : Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -
- i. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,083.00);  
atau
  - ii. Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,286.57);  
atau
  - iii. Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,490.99);  
atau
  - iv. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,797.62);  
atau
  - v. Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,797.62);  
atau

- vi. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM2,899.83); atau
- vii. Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred E41: RM3,002.03); dan
- viii. Memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**( c) Skop Tugas:**

Bertanggungjawab merancang, mengurus dan melaksana serta memantau aktiviti-aktiviti berkaitan Pembangunan SME, pengurusan Kompleks Industri Perabot PUSAKA, Projek Program Pembangunan Vendor dan Projek Kerjasama Pembangunan Usahawan PUSAKA.

**3. (a)**

<b>Jawatan/Gred</b>	:	<b>Pembantu Akauntan/Gred W19</b>
<b>Kekosongan</b>	:	<b>Satu (1) jawatan</b>
<b>Taraf Jawatan</b>	:	<b>Tetap &amp; Berpencen</b>
<b>Kumpulan Perkhidmatan</b>	:	<b>Pelaksana</b>
<b>Klasifikasi Perkhidmatan</b>	:	<b>Perkhidmatan Kewangan</b>
<b>Jadual Gaji: Gred W19</b>	:	<b>Gaji Minimum–Gaji Maksimum RM1,353.00 – RM4,005.00</b>

**(b) Syarat Lantikan** : **Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut: -**

- i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan serta keupujian dalam subjek Matematik dan Prinsip Perakaunan pada peringkat peperiksaan tersebut;

(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,353.00); atau

- ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Pertengahan (Simpan Kira-Kira) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40); atau
- iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,409.40); atau
- iv. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Perdagangan Malaysia peringkat Tertinggi (Perakaunan) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80); atau
- v. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W19: RM1,465.80); dan
- i. Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

**( c ) Skop Tugas:**

Bertanggungjawab dalam urusan pembayaran gaji termasuk bayaran caruman EPF, SOCSO, Cukai Pendapatan, subsidi pinjaman dibayar setiap bulan dan pengurusan kewangan dan perakaunan.